

Pembinaan dan pengesahan instrumen penilaian pelajar sekolah dalam penjara di Malaysia

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangun dan mengesahkan instrumen untuk menilai kemenjadian pelajar di sekolah dalam penjara di Malaysia. Berdasarkan kajian literatur dan sesi perkongsian dengan guru-guru berpengalaman yang mengajar di sekolah dalam penjara, pengkaji mengenal pasti konstruk dan item yang menyumbang kepada pengukuran kemenjadian pelajar. Kesahan dan kebolehpercayaan telah dilakukan ke atas item yang dibina. Kesahan kandungan instrumen ini melibatkan 8 orang pakar dalam pelbagai bidang. Seramai 432 pelajar terlibat di dalam kajian ini. Hasilnya instrumen baru dibangunkan terdiri daripada 4 konstruk kemenjadian pelajar iaitu sikap pembelajaran, motivasi pencapaian, akhlak dan sendiri akademik. Analisis faktor penerokaan dijalankan bagi mendapatkan kesahan konstruk menggunakan perisian SPSS. Muatan faktor setiap item adalah dalam julat 0.669 hingga 0.805 dan nilai kebolehpercayaan (alpha) pula adalah dalam julat 0.78 hingga 0.83. Jumlah keseluruhan item yang dibina berdasarkan konstruk tersebut ialah sebanyak 55 item. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan instrumen ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diguna pakai dalam menilai kemenjadian pelajar di sekolah dalam penjara di Malaysia.